

# Nelayan sukar ke laut, harga ikan meningkat

HM 13/06/23 M/S 18

**Kuala Lumpur:** Harga ikan dan hasil laut lain terus meningkat berikutan kekurangan bekalan berikutan nelayan sukar turun ke laut atas faktor keadaan ombak kuat serta angin kencang.

Tinjauan Harian Metro di Pasar Chow Kit, di sini, semalam mendapati kebanyakan peniaga mendakwa terpaksa menaikkan harga jualan demi menampung kenaikan kos daripada pembekal.

Peniaga ikan, Muhammad Arif Syam, 21, berkata, dia menaikkan harga kerana pembekal juga meletakkan harga tinggi.

"Sekarang, kami menghadapi kesukaran mendapatkan bekalan mencukupi dan kami menjual ikan sejuk beku bagi memenuhi permintaan.

"Untuk ikan sejuk beku, tiada peningkatan harga pada masa ini, tetapi jika ada bekalan ikan segar, kemungkinan harga mengalami kenaikan kerana bekalan terhad.

"Seperti ikan tongkol, harganya RM10 sekilogram, namun jika ikan segar harga mungkin RM13 untuk sekilogram," katanya.

Seorang lagi peniaga, Omar Mahmudi, 48, ber-



*Sekarang, kami menghadapi kesukaran mendapatkan bekalan mencukupi dan kami menjual ikan sejuk beku bagi memenuhi permintaan"*

**Muhammad Arif**

kata, dia juga mengalami kesukaran mendapatkan bekalan ikan segar.

"Jika bekalan ikan terhad, pembekal cenderung menaikkan harga sebagai tindak balas terhadap kekurangan terbabit.

"Contohnya, ikan sardin biasa saya jual RM12 sekilogram, tapi disebabkan bekalan kurang, jadi saya terpaksa jual RM14 hingga RM15 sekilogram," katanya.

Sementara itu, pembeli Hafsah Sabudin, 51, berkata, peningkatan harga ikan dan hasil laut memberi kesan terhadap perbelanjaan harian.

"Saya jual nasi lemak berlauk, sudah tentu peningkatan harga barangan mentah seperti ikan, udang, ketam dan sotong memberi kesan kepada peniaga kecil seperti kami," katanya.



**HAFSAH**